

Perlu pengisian terbaik ke arah janakuasa kekuatan umat Islam

# Masjid mesra keluarga - Raja Perlis



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan menandatangani plak perasmian Masjid Al-Huda sambil diperhatikan oleh Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail serta Khairi Hassan (kiri) di Felda Mata Ayer, Padang Besar, Perlis, malam kelmarin.

uu | 3.6.13 | 4/A | Ps

**PADANG BESAR** 1 Jun - Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail mahu semua institusi masjid benar-benar berfungsi bersifat mesra keluarga bagi manfaat umat Islam jangka panjang.

Pada masa yang sama, titah baginda, institusi yang sama juga perlu menjadi mentor agar dapat melahirkan keluarga terpimpin berdasarkan kaedah Islam sejati.

Baginda mahu perkara itu dilaksanakan secara teliti kerana langkah awal yang perlu difikirkan ialah bagaimana untuk memberi keyakinan kepada institusi keluarga agar menjadikan institusi masjid sebagai mentor membentuk keluarga bahagia.

"Ini adalah kerana, apalah gunanya masjid yang tersergam indah, tetapi kosong 'seperti jasad yang tidak bernyawa', ditambah pula dengan jumlah jemaah yang tidak sampai pun satu saf.

"Kini sudah tiba hal masanya kita sama-sama memikirkan pengisian terbaik dalam mengimarahkan masjid yang menjadi pusat janakuasa kekuatan umat Islam.

"Persoalan inilah yang perlu kita sama-sama fikirkan bagaimana cara untuk menghidupkan semula pe-

Ini adalah kerana, apalah gunanya masjid yang tersergam indah, tetapi kosong 'seperti jasad yang tidak bernyawa', ditambah pula dengan jumlah jemaah yang tidak sampai pun satu saf

**TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**  
Raja Perlis

ranan masjid agar terus subur dan tidak terkubur," titah Raja Perlis lagi.

Tuanku Syed Sirajuddin mengutarakan perkara itu sewaktu bertitah merasmikan Masjid Al-Huda anjur kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPS) bersempena sambutan hari ulang tahun keputeraan baginda yang ke-70 pada 17 Mei 2013 di Falda Mata Ayer di sini, malam semalam.

Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Yang Di Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) berangkat sa- ma.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam

dan Pembangunan Sumber Manusia Perlis, Khairi Hassan.

Sehubungan itu, Raja Perlis mahu pendekatan untuk memikat hati belia dan remaja ke masjid difikir secara bersama agar usaha memuliakan masjid bukan hanya terletak kepada generasi lama sahaja.

Tuanku Syed Sirajuddin berkeyakinan tinggi bahawa setiap anak kariah masjid akan terus menjadikan masjid masing-masing supaya berstatus indah dengan kebersihan yang terjaga serta kecerianan lanskap yang memikat pandangan.

Baginda juga percaya, institusi masjid di Perlis tidak bermasalah untuk berikhtiar ke arah memainkan peranan bagi memantapkan lagi aktiviti masing-masing dalam membangunkan modal insan dalam masyarakat mereka.